



Headline: Elak perangkap keldai akaun
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 24 January 2019

Language: Malay
Section: Minda
Page: 18

18 **minda**

24-01-2019

Noor Mohamad
Shakil Hameed



HARIAN METRO

Elak perangkap keldai akaun

Jika selama ini kita sudah sinonim dengan gelaran keldai dadah kini timbul pula trend terbaharu dikenali keldai akaun. Kalau keldai dadah tugasnya perlu membawa keluar atau membawa masuk dadah, keldai akaun pula kelihatan tugas yang lebih mudah kerana pemilik akaun tidak perlu buat apa-apa kerja fizikal. Tugasnya hanya meminjamkan nombor akaun atau kad ATM atau memupangkan akaun mereka untuk transaksi kewangan tertentu. Memang nampak mudah dan dikatakan boleh buat duit atas angin tetapi ingat itu satu perbuatan jenayah di mana pihak bank boleh mengesan semua transaksi yang terbahit. Jadi kita harap anggota masyarakat akan lebih berhati-hati supaya tidak terperangkap dalam sindiket keldai akaun yang semakin membimbangkan.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman baru-baru ini mendedahkan, hasil Op Mule Account yang dijalankan serentak di seluruh negara selama tiga minggu bermula 10 Disember lalu berjaya menawan 145 keldai akaun berusia 19 hingga 63 tahun yang terdiri daripada 90 lelaki dan 55 wanita. Operasi ini dilaporkan menyasarkan pemilik akaun yang dikesan tersabit dengan jenayah telekomunikasi, perbankan dalam talian, macau scam dan pinjaman tidak wujud. Jelas sekali ini bukan satu statistik yang perlu dibanggakan. Walaupun kita ucapkan tahniah atas kejayaan polis ini, namun isu utama di sini ramainya rakyat kita yang terus menjadi mangsa sindiket ini. Malah kita percaya bilangan sebenar jauh lebih banyak daripada ini yang belum dikenal pasti oleh pihak berkuasa. Ironinya segala nasihat dan pendedahan oleh pihak berkuasa selama ini kepada masyarakat kelihatan umpama mencurah air ke daun keladi.

Operasi terbaharu pihak berkuasa ini sekali gus membuktikan masih ramai lagi rakyat kita yang terperangkap dalam sindiket yang licik ini. Justeru kita perlu bertindak lebih agresif dan proaktif supaya dapat menepis godaan sindiket ini sekali gus melindungi diri dan ahli keluarga agar tidak menjadi mangsa yang seterusnya. Harus ditingat pemilik akaun yang didapati terbahit dalam transaksi jenayah ini boleh disiasat mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan (KK), Seksyen 414 KK, Seksyen 424 KK, Seksyen 29 (1) Akta Kesalahan Kecil serta Pelanggaran Terma dan Syarat Pembukaan Akaun Bank. Lebih malang lagi jika ada yang memberi kebenaran kepada sindiket pengedaran dadah untuk menggunakan akaun, mereka juga dianggap sebahagian daripada rangkaian pengedaran dadah dan

boleh didakwa mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung. Malah semua akaun bank yang terbahit juga akan disita untuk membolehkan polis menjalankan siasatan lanjut.

Jadi apakah kita masih belum insaf dan sedar? Jangan kerana tamak dan gelap mata melihat upah atau ganjaran yang ditawarkan untuk meminjam akaun bank kita lupa jika diberkas pasti akan menyesal seumur hidup kelak. Alasan seperti pernah menjadi mangsa along, berkenalan dengan individu tidak dikenali melalui laman sosial, urus niaga dalam talian, kehilangan dompet yang mempunyai maklumat bank, terbahit urus niaga sewa kad ATM dan diperdaya sindiket rasanya sudah lapuk dan tidak boleh diterima lagi. Hentikanlah perbuatan menipu diri sendiri.

Sindiket yang terbahit sememangnya sangat bijak dan licik dalam mengenal pasti kumpulan sasaran mereka yang boleh dijadikan sebagai mangsa. Hasil siasatan polis mendapati, orang lembam, penagih dadah, pesara, mereka yang mempunyai rekod lampau dengan bank, individu yang mencari pekerjaan, tiada pekerjaan tetap, suri rumah, pesara, penuntut kolej dan pekerja sosial adalah ciri-ciri individu yang menjadi sasaran utama sindiket. Golongan ini dikatakan menjadi sasaran mudah berikutan

keinginan untuk mendapatkan wang dengan senang serta pantas, selain tidak mempunyai pendapatan tetap, terdesak mahu menggunakan wang dan terpedaya. Jelas di sini mereka menyasarkan individu yang mempunyai pelbagai masalah kewangan dan tawaran wang menjadi umpan yang sangat berkesan.

Justeru untuk elak menjadi mangsa sindiket ini, marilah kita teliti beberapa taktik dan nasihat yang disediakan polis. Antara taktik sindiket ini ialah, mangsa akan dipujuk untuk menyerahkan kad ATM dan nombor pin kepada sindiket dengan beberapa tujuan seperti kononnya membantu urusan perniagaan, mangsa dipujuk menyerahkan kad ATM dan nombor pin kepada pemberi pinjaman wang haram atau along dengan tujuan kononnya untuk membuat potongan bayaran bulanan, mangsa membuat pengiklanan penjualan barang menerusi internet dan 'pembeli' menggunakan akaun milik suspek untuk memasukkan wang curi dari mangsa lain, menggunakan kad ATM dan butiran peribadi daripada hasil ragut atau samun dompet/telefon bimbit di mana kebanyakan mangsa tidak membuat laporan polis setelah kehilangan barangan berkenaan, sindiket menawarkan kepada mangsa menerusi laman sosial perkhidmatan sewa kad ATM dan

akaun bank kononnya untuk tujuan perniagaan, mangsa diberikan bayaran RM100 hingga RM300 untuk setiap kad yang disewa dan RM250 hingga RM550 untuk kad yang dijual dan mangsa juga dipujuk oleh rakan untuk memberikan kad ATM dan nombor pin dengan alasan menerima wang dari pihak ketiga.

Jelas taktiknya sangat profesional dan licik, bijak memujuk mangsa yang berada dalam keadaan terdesak dan berani ambil risiko. Jadi ibu bapa dan kaum keluarga perlu saling ingat mengingati agar tidak terpedaya dengan pujukan sindiket seperti ini. Penulis percaya berdasarkan statistik mangsa yang ditahan pihak berkuasa baru-baru ini, semua kategori anggota masyarakat tak kira umur, bangsa dan agama baik lelaki, wanita, belia, dewasa mahupun golongan warga emas dan OKU boleh terdedah dan menjadi mangsa sindiket terancang ini. Oleh itu, kita perlu ambil iktibar dengan pendedahan polis supaya lebih berhati-hati sepanjang masa.

Bagi menangani masalah ini polis juga menyediakan beberapa pesanan dan nasihat yang dilihat sangat relevan, berguna dan signifikan untuk difahami dan dipraktikkan oleh anggota masyarakat kita. Antaranya, masyarakat kita agar tidak sesekali mendedahkan maklumat

bank dan maklumat peribadi yang lain kepada pihak yang tidak dikenali untuk apa tujuan sekalipun, jika didapati ada jumlah wang tertentu dimasukkan ke akaun bank tanpa diketahui daripada mana, segera semak dengan pihak bank, jika ada pihak yang menghubungi kita dan memaklumkan ada berlaku kesilapan pindahan wang dan meminta kita lakukan pindahan balik, jangan lakukan. Kita juga diingatkan jangan terima apa-apa tawaran untuk membantu memindahkan wang ke akaun tertentu lebih-lebih lagi daripada pihak yang tidak dikenali dan jangan sesekali serah kad ATM, nombor pin dan akses perbankan internet kepada pihak luar. Ringkasnya maklumat bank kita biarlah rahsia dan tidak perlu didedahkan atau diserahkan kepada orang lain.

Kita percaya sindiket keldai akaun ini tidak akan berputus asa dan mereka akan sentiasa berusaha mencari taktik baharu untuk memerangkap mangsa. Jika ada yang menjadi mangsa atau dihampiri oleh ahli sindiket segeralah melaporkan kepada pihak berkuasa. Sama-samalah kita ambil peringatan dan iktibar dengan apa yang didedahkan oleh pihak berkuasa ini.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**